

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Pada penghujung bulan Julai yang lalu Perikatan UMNO-MCA-MIC telah berjaya memenangi 51 undi lawan 1. Dengan kemenangan ini bermakna mereka telah berjaya untuk memerintah Malaya di dalam perlembagaan yang sekarang! Sebelum terbit kejayaan itu golongan UMNO berterang-terang menghendaki supaya kemerdekaan tercipta di Malaya dan British keluar dari sini. Sesudah kejayaan Perikatan itu didapati maka Sir Tan Cheng Lock menyatakan kepada akhbar bahawa kemerdekaan yang dikehendaki ialah supaya British tetap berada di sini – Adakah dikehendaki sebagai pengawal?

Dengan kenyataan ini maka terzahir pertentangan faham antara kedua-dua orang kuat Perikatan itu. Sebahagian orang memandang bahawa ini adalah punca atau gambaran bagaimana harus akan terjadi pertentangan-pertentangan yang hebat kelak apabila maslahat di antara kedua-duanya berasing dan berlawanan.

*

Apabila kemenangan sudah didapati maka tanggungjawab Tengku Abdul Rahman pemimpin Perikatan telah bersetuju memberikan lima lantikan yang didapatinya kepada tiga orang Cina dan dua orang India. Kerusi-kerusi itu telah penuh tetapi kemudiannya pihak kaum ibu telah rebut. Suara rebut itu mulanya terbit dari Batu Gajah, kemudian disambut oleh Selangor – melarat ke Kelantan dan seterusnya menghendaki supaya ketua kaum ibu UMNO, Che Khadijah Sidek yang banyak mengeluarkan tenaganya itu, diberi sebuah kerusi daripada lima buah yang diuntukkan kepada Perikatan boleh melantik sesiapa yang dikehendakinya.

Tuntutan ini dibalas oleh A. Khair Johari

Setiausaha Agung UMNO dengan mengatakan bahawa dengan adanya Che Halimah Tun memadailah sudah perwakililah untuk kaum ibu. Terbit jawapan itu kaum ibu Selangor membidas bahawa nampaknya tenaga kaum itu tidak berapa dihargai kerana pujian-pujian Yang di-Pertua Agung dalam permukaan rumah wanita sahaja yang disebut! Walhal nampaknya harus keadaan ini menjadi “rumah sudah pahat berbunyi”.

*

Dalam perkara ini maka terbit pula suatu pernyataan sebagai menuntut janji Yang di-Pertua Agung UMNO. Dalam masa makalah ini ditulis, dikatakan oleh mereka telah membuat janji akan memberi sebuah kerusi kepada Che Khadijah Sidek apabila sahaja Perikatan menang. Kerana itulah mereka dikatakan mendesak supaya janji itu ditepati kerana rupanya apabila Perikatan menang lima kerusi yang terluang itu uteras sahaja diberikan kepada lima orang yang bukan Melayu – dan jika benar ada janji Tengku sudah tentulah janji itu tidak ditepati.

Banyak hal yang telah tersiar berkenaan dengan kejayaan Che Khadijah Sidek dalam masa ia menumpahkan tenaganya di dalam UMNO yang bersabit dengan Pilihanraya Federal itu yang telah disampaikan atau yang telah tersiar dari mulut ke mulut. Kononnya mulanya ia diberi janji hendak dicalonkan di negeri Sembilan atau di kawasan Kuala Lumpur tetapi akhirnya calon-calon diisi oleh orang lain – Dan perkara ini adalah dikatakan sehingga hampir-hampir membawa menarik diri dari UMNO. Barang kali dengan janji itulah maka kaum ibu UMNO nampaknya

-sambungan pada muka 38